

18 JUN 2002

Mahathir-Melayu

ADALAH PENTING BAGI ORANG MELAYU BERUBAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata adalah penting bagi orang Melayu menyesuaikan diri dengan perubahan kerana mereka tidak boleh lagi tunggu dan membiarkan diri mereka ketinggalan.

"Kita tak ada masa. Dunia sekarang ini berjalan dengan lebih pantas, teknologi bergerak sekarang ini dengan begitu cepat sekali.

"Kalau kita (ikut) zaman purba yang mana sesuatu perubahan mengambil masa 10 atau 100 tahun, maka kita akan ketinggalan zaman. Ia memerlukan tindakan segera," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno pada sidang berita selepas menyampaikan taklimat presiden menjelang perhimpunan agung Umno bermula Khamis ini.

Beliau ditanya sama ada langkah melaksanakan peperiksaan bagi mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun hadapan dilakukan secara tergesa-gesa sedangkan orang Melayu masih belum bersedia.

Laporan akhbar hari ini menyebut langkah itu melibatkan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah, Penilaian Menengah Rendah dan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata: "Ya, itu kita punya target (peperiksaan) dan kita boleh buat kalau kita nak buat."

Menurutnya, sudah tentu pelaksanaan sesuatu dasar atau pendekatan baru akan berdepan dengan masalah pada permulaannya.

"Kita harus terima bahawa akan ada masalah dan kalau kita tak pandai mengatasi masalah, maka kita tidak layak menjadi pemerintah," katanya.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai wawancara beliau yang tersiar dalam akhbar "Mingguan Malaysia" Ahad lepas yang antara lain memaparkan perasaan kecewanya dengan sikap Melayu yang suka bergantung kepada bantuan, subsidi dan hak istimewa amat mengecewakan beliau.

"Ia bukannya kata-kata kesat. Ia adalah nasihat," katanya.

Kenyataan Dr Mahathir dalam wawancara itu berkait rapat dengan beberapa keputusan kerajaan yang dilihat sebagai mengancam kedudukan orang Melayu.

Ini termasuk pembukaan Maktab Rendah Sains Mara dan program matrikulasi kepada bukan Melayu, pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris serta penggunaan sistem meritokrasi untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (walaupun lebih banyak pelajar Melayu mendapat tempat di IPTA tahun ini.)

Mengenai kebimbangan bahawa lebih banyak hak keistimewaan orang Melayu akan ditarik balik, Perdana Menteri berkata terpulang kepada mereka untuk membuat penilaian sama ada apa yang beliau lakukan adalah sesuatu yang baik bagi orang Melayu atau sebaliknya.

Ditanya sama ada perubahan-perubahan itu akan dijadikan modal oleh pembangkang, Dr Mahathir berkata sememangnya pembangkang sudah tidak ada modal.

"Dia tengok apa kita nak buat, dia kata itu tak baik. Apa satu pun yang kita buat, dia kata tak baik tapi dia tak buat apa-apa pun.

"Benda yang dia nak buat, macam ketidakadilan, itu dia nak buatlah. Dia berkawan dengan orang yang panggil diri dia keadilan (Parti Keadilan Nasional) tapi dia tak adil. Orang yang jadi mangsa nak dihukum," katanya.

Beliau merujuk kepada cadangan undang-undang Jenayah Syariah Terengganu yang antara lain dilaporkan tidak memberi keadilan kepada mangsa rogol.

-- BERNAMA

MAM MAM RHM

